

MAHATHIR - DEBAT  
(I)

1984

KUALA LUMPUR, 19 SEPT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI BELIAU AKAN MENGATURKAN SIARAN LANGSUNG DEBAT YANG DICADANGKAN ANTARA PAS DAN UMNO SEBAIK SAJA PAS MENJAWAB DENGAN RASMI.

BAGAIMANAPUN PERDANA MENTERI MENJELASKAN BAHAWA UMNO TIDAK AKAN MENERIMA CADANGAN PAS SUPAYA DEBAT ANTARA KEDUA-DUA PARTI ITU HENGENAI ISU KAFIR-MENKAFIR.

BELIAU TIDAK NAMPAK SEBAB MENGAGA ISU-ISU LAIN MESTI DIMASUKKAN DALAM DEBAT ITU TERUTAMA SEKALI MEMANDANGKAN HAKIKAT BAHAWA UMNO TIDAK PERNAH MENKAFIRKAN ORANG-ORANG PAS.

UMNO HANYA BERSETUJU MENGADAKAN DEBAT MENGENAI SATU TOPIK SAJA - TUDUHAN PAS BAWAWA ANGGOTA UMNO KAFIR, KATANYA KEPADA BERNAMA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MPNGGUAN KABINET DI PEJABATNYA DI SINI.

+ TOPIK DEBAT ITU AKAN TERTUMPU KEPADA APA YANG SAYA SEBUT SEBELUM INS (TUDUHAN PAS BAHAWA ANGGOTA UMNO KAFIR). JADI MENGAPAKAH DEBAT ITU MENGENAI ISU KAFIR-MENKAFIR ANTARA PAS DAN UMNO PULA +.--LAGI

1620MST 19 39 84

D457

U B309 BAH

MAHATHIR - DEBAT 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGULAS SATU KENYATAAN OLEH SETIAUSAHA AGUNG PAS HAJI HASSAN SHUKRI BAHAWA TOPIK UNTUK DEBAT ITU HENDAKLAH MENGENAI PSU KAFIR-MENKAFIR ANTARA PAS DAN UMNO.

ADA DILAPORKAN BAHAWA IBU PEJABAT PAS TELAH MENGUTUS SEPUCUK SURAT RASMI KEPADA SETIAUSAHA AGUNG UMNO, DATUK SANUSI JUNID MENYATAKAN, PERSETUJUAN MENGENAI TOPIK DEBAT YANG DICADANGKAN OLEH UMNO.

PRESIDEN UMNO ITU BERKATA BELIAU BELUM MENERIMA SEBARANG PERSETUJUAN RASMI DARIPADA PAS MENGENAI DEBAT ITU DAN BELIAU JUGA TIDAK MELIHAT SURAT YANG DIHANTAR OLEH PARTI PEMBANGKANG ITU.

MENGENAI KESANGGUPAN PAS HENDAK MENCALONKAN PRESIDEN, TIMBALAN PRESIDEN DAN SALAHSEORANG DARIPADA NAIB-PRESIDENNYA UNTUK DEBAT ITU DENGAN SYARAT UMNO MENGHANTAR TIGA ORANG PEMIMPINANANNYA, PERDANA MENTERI BERKATA PAS EOLEHLAH BERBUAT DEMIKIAN TETAPI INI TIDAK BERERTI UMNO AKAN MENURUT.

+ MEREKA DIAL'U-ALUKAN UNTUK MENGHANTAR TIGA PEMIMPIN KANANNYA TETAPI INI TIDAK BERERTI K'AMI JUGA BERBUAT DEMIKIAN. + KATANYA. -- LAGI

1643MST 19 09 84

0465

R B313 BAH  
MAHATHIR - DEBAT 3 KUALA LUMPUR

+ KAMI AKAN MELIHAT JAWAPAN MEREKA (PAS:) **DAHULU**,+ KATA BELIAU APAPILA **DITANYA** SIAPAKAH **TIGAORANG** WAKIL UMNO YANG AKAN **DICALONKAN** UNTUK **MENGAMBILBAHAGIAN** DALAM **DEBATITU**.

DATUK SERI DR. MAHATHIR **BERKATA** SELEPAS **MESYUARÁT** MAJLIS TERTINGGI **UMNO** SABTU LALU BAHAWA TUJUAN **DEBAT** ITU **DICADANGKAN** IALAH KERANA **TUDUHAN** PAS YANG **SERIOUS** TERHADAP **UMNO** IA **KAFIR** DAN **UMNO** **INGIN** PAS MEMEUKTIKAN **TUDUHANNYA** ITU **DI** HADAPAN RAMAI MELALUI **SIARAN** **LANGSUNG** **DI** **TELEVISYEN**.

**SETIAP** PARTI **DISARANKAN** **DIWAKILI** **OLEH** **TIGAORANG** PEMIMPINNYA DAN **DEBAT** ITU **DIPENGERUSIKAN** OLEH SESEORANG YANG **DITERIMA** OLEH **KEDUA-DUA** PARTI.

**PERDANA** MENTERI HARI **INI** **BERKATA** BELIAU **TIDAK** MENETAPKAN **TARIKH** **PERDEEATAN** ITU **DIADAKAN** KERANA BELIAU MEMERLUKAN **MASA** UNTUK MEMBUAT **PERSEDIAAN** YANG **PERLU**.

+ **INI** **BUKANLAH** **BERERTI** BAHAWA **JIKA** PAS **MEMBERIJAWAPAN** MEREKA **BERSETUJU** HARI **INI**, **SAYA** AKAN TERUS **BERKATA** KAMI AKAN MELAKUKANKANNYA **SEKARANG**.

+ KAMI **PERLU** MEMBUAT **PERSEDIAAN** YANG **PERLU** UNTUK **SIARAN** TV DAN **PERSEDIAAN-PERSEDIAAN** LAIN.\* --BERNAMA